

MUZIUM Kesenian Islam Malaysia dan sebuah institusi seni tradisional yang paling unggul di United Kingdom dengan kerjasama erat menganjurkan Ilham Suci: Tujuh Prinsip Seni bina Islam. Pameran yang berinovatif dan menarik tersebut menyediakan gambaran visual yang lebih dekat dalam bidang yang luas untuk santapan mata dan minda serta jiwa.

Apa yang ditekankan dalam pameran ialah berkaitan dengan seni bina Islam telah banyak diperkatakan sebelum ini. Namun, pameran memberikan satu pendekatan yang unik terhadap kepercayaan umat Islam dan juga bagaimana ia digabungkan dengan kepelbagaian jenis binaan bangunan.

Ilham Suci tertumpu kepada tujuh unsur asas dalam kepercayaan Islam iaitu Tauhid (Perpaduan), Ihtiram (Hormat), Ikhlas (Keikhlasan), Iktisad (Kesederhanaan / Keseimbangan), Haya' (Rendah diri), 'Ilm (Menuntut Ilmu) dan Dhikr (Zikir).

Bermula dengan Tauhid, pameran ini menyatukan ajaran Islam dengan prinsip-prinsip seni bina yang merupakan sebahagian daripada inti patinya. Setiap prinsip-prinsip tersebut diteliti dari segi dimensi fizikalnya dengan memberikan contoh-contoh binaan di seluruh dunia.

Tanpa batasan sempadan, arkitek-arkitek Islam telah berjaya mencipta beberapa binaan yang hebat. Mereka mahir dalam kedua-dua bidang sains yang berkaitan dengan pembinaan dan bahan-bahan yang digunakan, kesemuanya digabungkan menjadi satu, memperlihatkan perpaduan Islam. Ia juga boleh dilihat pada struktur-struktur tanah liat Mali atau kayu di Malaysia.

Melalui teks, gambar, lukisan dan pertunjukan video, pameran ini menunjukkan bagaimana seni bina Islam menggunakan sumber-sumber semula jadi dengan cara yang terbaik. Tanpa melawan fitrah dan rentak alam, bangunan-bangunan ini sering dibina bersesuaian dengan persekitarannya.

Di setiap tahap, kesenian Islam tradisional menitikberatkan penyelesaian teknikal dan estetik terhadap apa sahaja masalah yang mendatang. Contoh yang masih kekal ialah penyurihan lengkungan yang betul demi menjamin kestabilan binaan dan keindahannya.

Satu dimensi baru yang mengetengahkan bentuk geometri dan rekaan motif alam telah direka oleh 'Prince's School of Traditional Art' di bawah naungan Prince of Wales. Minat Putera Charles yang amat mendalam dalam bidang kesenian dan agama Islam telah melahirkan sebuah institusi penting yang meneruskan kerjasama para seniman Islam yang telah mengagumkan dunia dengan visi dan kehebatan mereka selama berabad lamanya.

Secara amnya, Ilham Suci ini berkisar tentang pengertian sebuah hubungan rohaniah yang begitu jelas dalam seni bina Islam. Nilai inilah yang meninggalkan kekaguman kepada para pemerhati yang berlainan agama pada hari ini sebagaimana yang telah berlaku 1400 tahun yang lampau.

Pameran berlangsung dari 27 November 2008 hingga 28 Februari 2009.

'Ilham Suci': Tujuh Prinsip Seni bina Islam



Pameran Ilham Suci memberi peluang kepada pengunjung menghayati keindahan seni bina Islam.




Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid Albar ketika merasmikan pameran berkenaan.

Prinsip Islam



Kehalusan seni bina Islam sememang sudah lama diiktiraf atas seni bina terbaik di dunia.



Rekabentuk Islam dihiasi dengan corak geometrik.

Muzium Kesenian Islam Malaysia

Muzium Kesenian Islam Malaysia terletak di jalan Lembah Perdana, 50480 Kuala Lumpur, di tengah-tengah kawasan tarikan pelancong di Kuala Lumpur dan berhampiran dengan Masjid Negara dan Pusat Islam Malaysia. Ia juga berhampiran dengan Muzium Negara, Planetarium Negara, Taman Orkid, Taman Rama-Rama dan Taman Burung.

Waktu dibuka ialah 10 pagi – 6 petang, tujuh hari seminggu. Galeri-

galeri yang terdapat di muzium ialah : Senibina, Al-Quran & Manuskrip, India, China, Dunia Melayu, Tekstil, Barang Kemas, Senjata & Perisai, Matawang & Cap mohor, Kerja Logam, Kerja Kayu & Gaya Hidup dan juga Seramik.

Muzium Kesenian Islam Malaysia merupakan organisasi yang tidak berasaskan keuntungan yang berdedikasi sebagai penyimpan, pembaik pulih, pemelihara dan pendidik kesenian Islam.